

# Abdul Khalid tinggalkan legasi terbaik

*Sinar 17/9/14 MS 22.*

**MENTERI** Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bakal meninggalkan legasi tersendiri selepas melepaskan jawatan kerana memberi keuntungan dan kesenangan kepada rakyat dengan memeterai Perjanjian Utama (Master Agreement) sekali gus berjaya menyelesaikan krisis air di negeri ini.

Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Datuk Dr. Mustafa Ishak berkata, Abdul Khalid bertindak bijak kerana menyelesaikan krisis air yang sudah menghantui penduduk Lembah Klang sejak sekian lama.

"Beliau akan diingati rakyat tindakan berani beliau bekerjasama dengan kerajaan pusat dalam menangani krisis air. Beliau tidak menghiraukan desakan dalaman parti yang mendesaknya membatalkan perjanjian air itu

kerana ia menguntungkan rakyat.

"Walaupun selepas ini dia bukan lagi menteri besar, namun jasanya kepada negeri ini bakal diingati oleh semua," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Dr Mustafa yakin tindakan Abdul Khalid tepat yang pastinya dibuat selepas berfikir panjang untuk bekerjasama dengan kerajaan pusat bagi menyelesaikan isu air ini.

Mengulas kemungkinan perjanjian ini terbatal sekiranya menteri besar baharu dilantik dalam masa terdekat, Mustafa berkata, perkara itu agak mustahil dilakukan kerana ia memberi impak besar bukan saja kepada kerajaan negeri, tetapi kerajaan pusat.

"Isu air ini isu besar dan ia mesti ditangani bersama kerajaan pusat kerana membabitkan rakyat, jika perjanjian ini terbatal, keputusan yang dibuat itu ternyata salah," katanya.